

Pasaran kereta Proton dikhuatiri merosot

UM - 7/7/2005

KUALA LUMPUR 6 Julai — Penguasaan pasaran kereta Proton di negara ini dikhuatiri akan terus merosot jika kerajaan tidak mengambil langkah mengehadkan kemasukan kereta import khususnya dari Korea Selatan.

Ia kerana berdasarkan perangkaan, jumlah kereta yang diimport melalui permit import (AP) adalah jauh lebih tinggi berbanding yang didakwa oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) iaitu hanya 10 peratus daripada pengeluaran tempatan.

Jumlah pengeluaran tempatan untuk kereta sepanjang tahun lalu ialah kira-kira 337,208 buah. Jualan pada tahun lalu pula mencatatkan rekod tertinggi yang baru dengan lebih 487,605 buah dibeli oleh pengguna tempatan.

Yang Dipertua Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema), Datuk Abdul Hamid Ibrahim berkata, kemasukan kereta import terutamanya dari Korea Selatan perlu dikawal memandangkan setiap syarikat yang memiliki AP dibenarkan membawa masuk terlalu

banyak kereta iaitu sekurang-kurangnya 9,000 buah setahun.

"Itu baru satu syarikat tetapi sekarang di Malaysia terdapat banyak syarikat yang diluluskan untuk mendapat AP, jadi bayangkanlah berapa banyak kereta import boleh dibawa masuk," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Penasihat Proton Holding Bhd. (Proton), Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mendakwa kemasukan kereta-kereta Korea Selatan menjejaskan industri kereta nasional.

Dr. Mahathir mendakwa kereta-kereta dari negara tersebut membuat penipuan pengisytiharan ketika memasuki Malaysia sejak beliau menjadi Perdana Menteri lagi.

Bagaimanapun, kereta-kereta dari Korea Selatan itu terus diimport walaupun diisytiharkan di bawah kos bahan-bahan mentahnya.

Dr. Mahathir memberitahu, satu daripada model kereta Korea Selatan diimport pada harga pengisytiharan RM11,000 setiap satu yang mana ia tidak masuk akal kerana pada 1982, kos pengeluaran kereta Proton pada masa itu adalah RM14,000 sebuah.

Minggu lalu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, membidas Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, kerana gagal bersaing dengan kereta-kereta import, berikutan kritikan oleh CEO itu terhadap dasar automotif negara.

Menurut Rafidah, ada sesuatu yang tidak kena dengan Proton sekiranya syarikat itu gagal bersaing memandangkan kerajaan mengehadkan jumlah import kereta dari luar negara pada paras 10 peratus pengeluaran kenderaan tempatan sahaja.